A

LAW JIANN BIAU & SATU LAGI lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KANGAR
ABU BAKAR KATAR PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42S-07-05-2013 & 42H-08-06-2013]
15 MEI 2015

B

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan – Seksyen 326 – Cedera parah – Laporan perubatan mangsa – Sama ada diterima masuk – Sama ada saksi seorang pengamal perubatan kerajaan – Sama ada pra-syarat s. 34C Akta Perubatan 1971 dipatuhi – Kebenaran bertulis Ketua Pengarah Kementerian Malaysia – Sama*

C

ada diperolehi – Sama ada intipati kesalahan di bawah s. 326 Kanun Keseksaan dibuktikan – Sama ada kecederaan mangsa termasuk dalam takrifan 'cedera parah' bagi maksud s. 320 Kanun Keseksaan – Sama ada keterangan saksi memadai sekadar menyatakan kecederaan-kecederaan mangsa satu persatu – Sama ada kecederaan mangsa termasuk dalam takrifan s. 320 Kanun Keseksaan

D

KETERANGAN: *Keterangan pakar – Laporan perubatan – Sama ada diterima masuk – Sama ada laporan disediakan oleh seorang pegawai kesihatan kerajaan – Mangsa mengalami cedera parah – Sama ada dibuktikan – Sama ada pra-syarat s. 34C Akta Perubatan 1971 dipatuhi – Kebenaran bertulis Ketua Pengarah Kementerian Malaysia – Sama ada diperolehi – Sama ada intipati kesalahan di*

E

bawah s. 326 Kanun Keseksaan dibuktikan – Sama ada keterangan saksi diterima masuk di bawah s. 45 Akta Keterangan 1950 – Sama ada kecederaan mangsa termasuk dalam takrifan 'cedera parah' bagi maksud s. 320 Kanun Keseksaan – Sama ada keterangan saksi memadai sekadar menyatakan kecederaan-kecederaan mangsa satu persatu – Sama ada kecederaan mangsa termasuk dalam takrifan s. 320

F

Kanun Keseksaan

Perayu-perayu dipertuduh melakukan kesalahan di bawah s. 326 Kanun Keseksaan ('KK') kerana menyebabkan cedera parah terhadap mangsa. Laporan perubatan mangsa telah disediakan oleh pakar bedah ('SP12') daripada Hospital Lam Wah Ee yang merawat mangsa. Pihak pendakwaan

G

telah memanggil SP12 untuk membuktikan bahawa kecederaan yang dialami oleh mangsa termasuk dalam cedera parah seperti yang ditakrifkan di bawah s. 320 KK. Selanjutnya, pihak pendakwaan bergantung kepada peruntukan s. 399(1) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') apabila menyerahkan laporan perubatan mangsa kepada perayu-perayu. Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS')

H

memutuskan bahawa kedua-dua perayu bersalah atas pertuduhan dan menjatuhkan hukuman sembilan tahun penjara. Tidak berpuas hati, perayu-perayu merayu ke mahkamah ini dan pihak pendakwaan memfailkan rayuan silang terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh HMS. Memandangkan HMS tidak menyediakan penghakimannya, rayuan ini didengar secara semakan.

I

Diputuskan (mengenepikan sabitan dan hukuman perayu-perayu; membatalkan rayuan silang pihak pendakwaan):

(1) Pihak pendakwaan perlu membuktikan pra-syarat s. 34C Akta Perubatan 1971 sebelum memanggil SP12 untuk memberi keterangan dan mengemukakan laporan perubatan mangsa sebagaimana diperuntukan di bawah s. 399(1) KTJ. Sepanjang perbicaraan, pihak pendakwaan gagal membuktikan bahawa SP12 merupakan pengamal perubatan yang diberi kebenaran bertulis oleh Ketua Pengarah Kementerian Malaysia di bawah s. 34C Akta Perubatan 1971. Oleh itu, SP12 tidak termasuk dalam takrifan 'government medical officers' bagi maksud peruntukan s. 399(1) dan (2). Oleh itu, keterangannya berkaitan kecederaan yang dialami oleh mangsa tidak boleh diterima. Kecacatan ini tidak dapat dipulihkan, terutamanya, bagi membuktikan intipati kesalahan di bawah s. 326 KK. Tambahan, pihak pendakwaan tidak boleh bergantung kepada peruntukan s. 45 Akta Keterangan 1950 bagi membolehkan keterangan SP12 diterima untuk membuktikan cedera parah bagi maksud s. 320 KK. (perenggan 23, 24, 28 & 31)

(2) Sekiranya keterangan SP12 diterima, walaupun mahkamah berpendapat sebaliknya, didapati bahawa SP12 langsung tidak menyatakan kecederaan yang dialami oleh mangsa termasuk dalam takrifan 'cedera parah' bagi maksud peruntukan s. 320 KK. Parlimen telah memberi takrifan yang khusus untuk 'cedera parah' bagi maksud peruntukan s. 320 dan s. 326 KK. Dalam laporan perubatannya, SP12 perlu menyatakan pendapatnya, iaitu, kecederaan yang dialami oleh mangsa termasuk dalam jaringan s. 320 KK dan tidak memadai sekadar menyatakan kecederaan-kecederaan tersebut satu persatu. Tambahan, pihak pendakwaan tidak mencungkil soalan-soalan kepada SP12 sama ada dia sedar akan adanya takrifan s. 320 KK semasa memberi keterangan atau menyediakan laporannya. Oleh itu, pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan bahawa perayu-perayu telah mendatangkan 'cedera parah' atas mangsa. Maka, satu kes *prima facie* gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan. (perenggan 34, 36, 38 & 39)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdul Karim Pak Kub & Anor v. PP [1997] 2 CLJ 383 CA ***(dirujuk)***
Abdulloh Saofi v. PP (Rayuan Jenayah No: 05-204-09-2012) (Unreported) FC ***(dirujuk)***
Amathevelli P Ramasamy v. PP [2009] 3 CLJ 109 FC ***(dirujuk)***
Azahan Mohd Aminallah v. PP [2004] 1 LNS 652 CA ***(dirujuk)***
Chong Yik v. PP [1953] 1 LNS 15 HC ***(dirujuk)***
Danail Ooi Abdullah lwn. PP [2013] 1 LNS 1511 CA ***(dirujuk)***
Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [2010] 9 CLJ 625 FC ***(dirujuk)***
PP v. Lam Peng Hoa & Anor [1996] 3 CLJ 747 HC ***(dirujuk)***
PP v. Lin Lian Chen [1990] 2 CLJ 1020; [1990] 2 CLJ (Rep) 746 HC ***(dirujuk)***
PP v. Muhari Mohd Jani & Anor [1999] 8 CLJ 430 HC ***(dirujuk)***
PP v. Nolose Albert Raleshome [2014] 8 CLJ 689 FC ***(dirujuk)***

A *Saw Thean Teik v. Regina [1952] 1 LNS 121 HC* ***(dirujuk)***
Thong Ah Fat v. PP [2012] 1 SLR 676 ***(dirujuk)***
Yii Ming Tung v. PP [2014] 9 CLJ 1102 CA ***(dibezakan)***
Zulkifli Md Rodzi v. PP [2013] 4 CLJ 250 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

B Criminal Procedure Code, ss. 2, 399(1), (2)(b)
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 39B(1)(a)
Evidence Act 1950, s. 45
Medical Act 1971, s. 34C
Penal Code, ss. 320, 326

C *Bagi pihak perayu-perayu - Chong Seng Ming; T/n Chong Seng Ming & Co*
- Hisyam Teh Poh Teik; T/n Teh Poh Teik & Co
Bagi pihak responden - Nisla Latif; TPR

[Rayuan dari Mahkamah Sesyen, Kangar; Kes Tangkap No: 62-03-11 & 62-129-10, 62-03-11 & 62-129-2010]

D *Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid*

PENGHAKIMAN

Abu Bakar Katar PK:

E **[1]** Perayu pertama (Law Jiann Biau) telah dituduh di Mahkamah Sesyen, Kangar, Perlis atas pertuduhan yang berbunyi seperti berikut:

[Kes Tangkap No: 62-129-2010]

F Bahawa kamu pada 9.12.2010, jam lebih kurang 11.00 malam di hadapan Kafe Internet Toyo Net Enterprise, Batu 16, Jalan Kaki Bukit, 02200 Kaki Bukit, dalam daerah Kangar, Perlis, dengan sengaja telah menyebabkan cedera parah ke atas Chee Fong Pon KP:851201-09-5137 dengan menggunakan suatu alat untuk memotong iaitu sebilah parang dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 326 Kanun Keseksaan.

G **[2]** Perayu kedua (Lim Yew Thong) telah dituduh di mahkamah yang sama yang berbunyi seperti berikut:

[Kes Tangkap No: 62-03-2011]

H Bahawa kamu pada 9.12.2010, jam lebih kurang 11.00 malam di hadapan Kafe Internet Toyo Net Enterprise, Batu 16, Jalan Kaki Bukit, 02200 Kaki Bukit, dalam daerah Kangar, Perlis, dengan sengaja telah menyebabkan cedera parah ke atas Chee Fong Pon KP:851201-09-5137 dengan menggunakan suatu alat untuk memotong iaitu sebilah parang dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 326 Kanun Keseksaan di baca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

I **[3]** Perayu pertama dan perayu kedua tidak mengaku bersalah atas pertuduhan. Pada 29 April 2011, Hakim Mahkamah Sesyen, Kangar, Perlis (Puan HMS itu) telah membenarkan permohonan pendakwaan agar kedua-dua kes dibicarakan secara bersama. Perbicaraan penuh telah dijalankan di

hadapan Puan HMS itu dan di akhir perbicaraan Puan HMS itu telah memutuskan perayu pertama dan perayu kedua bersalah dan disabitkan atas pertuduhan di bawah s. 326 Kanun Keseksaan (Kanun itu). Puan HMS itu telah menjatuhkan hukuman penjara sembilan tahun mulai tarikh sabitan (23 Mei 2013).

[4] Perayu pertama dan perayu kedua yang terkilan dengan keputusan Puan HMS itu telah memfailkan notis rayuan atas sabitan dan hukuman (Rayuan Jenayah No: 42S-07-05-2013). Sebaliknya pendakwaan telah memfailkan rayuan silang terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh Puan HMS itu (Rayuan Jenayah No: 42H-08-06-2013).

[5] Memandangkan Puan HMS itu tidak menyediakan penghakimannya, mahkamah ini telah mengarahkan rayuan ini didengar secara semakan. Pihak-pihak begitu akur dengan arahan mahkamah ini dan memfailkan penghujahan bertulisnya. Pada 15 Mei 2015, mahkamah ini telah mengenepikan sabitan terhadap perayu pertama dan perayu kedua. Selanjutnya, hukuman penjara sembilan tahun yang dijatuhkan oleh Puan HMS itu diketepikan. Rayuan oleh responden atas hukuman dibatalkan kerana ianya menjadi akademik.

[6] Responden yang terkilan dengan keputusan mahkamah ini telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan, Malaysia terhadap keseluruhan keputusan.

[7] Peguam perayu pertama dan perayu kedua yang terpelajar dalam hujahan bertulisnya telah membawa perhatian mahkamah ini kepada prinsip-prinsip dalam menjalankan kuasa semakan sebagaimana yang diperjelaskan dalam kes *PP v. Muhari Mohd Jani & Anor* [1999] 8 CLJ 430; [1996] 3 MLJ 116 di ms. 437 (CLJ); ms. 124 (MLJ) di mana YA KC Vohrah (pada ketika itu) dipetik:

> Having set out the statutory provisions, it behoves the court to examine the relevant case law. In *PP v. Kulasingam* [1974] 2 MLJ 26, Hashim Yeop A Sani J (as he then was) stated the essence of what the High Court should have in mind when considering a revision (at the same page):
>
> > The powers of the High Court in revision are amply provided under s. 325 of the Criminal Procedure Code subject only to sub-ss (ii) and (iii) thereof. The object of revisionary powers of the High Court is to confer upon the High Court a kind of 'paternal or supervisory jurisdiction' in order to correct or prevent a miscarriage of justice. *In a revision the main question to be considered is whether substantial justice has been done or will be done and whether any order made by the lower court should be interfered with in the interest of justice*. (emphasis added.)

[8] Selanjutnya di ms. 437 (CLJ); ms. 125 (MLJ) dalam kes yang sama YA merujuk:

A The (then) Supreme Court in *Liaw Kwai Wah & Anor v. PP* [1987] 2 MLJ 69 referred to Buhagiar J's reliance (in *Re Soo Leot*) on what Jenkins CJ had stated in *Re Soo Leot*) on what Jenkins CJ had stated in *R v. Lachiram* relating to judicial discretion. The Supreme Court at p. 71 clearly approved the concept that the powers of the High Court in revision are exercisable at the discretion of the court and that discretion is untrammelled and free, B so as to be fairly exercised according to the exigencies of each case.

[9] Peguam perayu pertama dan peguam perayu kedua yang terpelajar menegaskan tujuan utama semakan ialah membetulkan atau menghalang salahlaksana keadilan. Dalam kes di hadapan mahkamah sekarang dihujahkan tanpa penghakiman Puan HMS itu ketidakadilan berlaku atas C perayu pertama dan perayu kedua. Perayu pertama dan perayu kedua tidak mengetahui sama ada Puan HMS itu menimbangkan penghujahan yang diberikan oleh peguamnya, perayu pertama dan perayu kedua tidak mengetahui mengapa mereka disabitkan dengan kesalahan dan dipenjara sembilan tahun, tanpa penghakiman perayu pertama dan perayu kedua tidak D dapat meneruskan rayuannya atas sabitan dan "no judicial accountability and responsibility".

[10] Mahkamah ini telah dirujukkan kes *Thong Ah Fat v. PP* [2012] 1 SLR 676 di mana Mahkamah Rayuan Singapura menekankan kepentingan mahkamah memberikan alasan dalam menjalankan kuasa kehakimannya. E Mahkamah ini tidak berhasrat untuk mengulanginya petikan-petikan yang dirujuk oleh peguam perayu pertama dan perayu kedua dalam penghujahannya di ms. (5) hingga ms. (9).

[11] Peguam perayu pertama dan perayu kedua yang terpelajar menarik F perhatian mahkamah ini kepada kes Mahkamah Persekutuan iaitu *Mr Abdulloh Saofi v. PP*, Mahkamah Persekutuan (Rayuan Jenayah No: 05-204-09/2012). Dalam kes *Mr Abdulloh Saofi* (*supra*) telah mengikuti saranan kes *Thong Ah Fat* (*supra*). Walaupun penghakiman disediakan tetapi tiada alasan-alasan diberikan oleh hakim bicara. Kes ini melibatkan pengedaran dadah di bawah s. 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 melibatkan "agent G provocateur". Panel Mahkamah Persekutuan yang diketuai oleh YAA Arifin Zakaria KHN telah mengenepikan sabitan dan memerintahkan bicara semula walaupun fakta yang kuat memihak pendakwaan.

[12] Selanjutnya dihujahkan dalam kes di hadapan mahkamah sekarang keadaan bertambah teruk apabila penghakiman tidak disediakan langsung H oleh Puan HMS itu.

[13] Peguam perayu pertama dan perayu kedua yang terpelajar menegaskan kepentingan menulis penghakiman dan merujuk gesaan YAA Arifin Zakaria HBM (pada ketika itu) dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP* [2010] 9 CLJ I 625 di ms. 630 yang menyatakan:

> [8] We agree that as a general rule, it is incumbent upon the court making a decision to provide reasons for its decision as litigants are entitled to the same. But this grounds of judgment, as we said earlier, need not be

long, depending much on the subject matter in issue. In some instances, short and concise grounds of judgment will suffice. As was observed by the Privy Council in *Wendal Swann v. Attorney General of the Turks and Caicos Islands* (Privy Council Appeal No 43 of 2008 delivered on 21 May 2009):

> Any court giving a decision after submissions have been made has a clear duty (at least in the absence of the parties expressly or impliedly agreeing otherwise) to give not only a decision, but also the reasons for that decision. Sometimes very shortly expressed reasons are appropriate, or at least acceptable. In the present case, for instance, provided of course that it represented its reasoning, the Court of Appeal could have complied with its duty by stating that the Chief Justice's decision was right in the sense that it was the only correct outcome and/or because it was a decision which he was entitled to reach as a matter of discretion, and that his reasoning was unassailable. However, it appears that the Court did not even go that far: if that is indeed the case, the Court of Appeal failed to do its duty. This should not happen again.

[14] Kebimbangan yang sama turut dikongsikan oleh YA Balia Yusof bin Hj Wahi HMR dalam kes *Danail Ooi Abdullah lwn. PP* [2013] 1 LNS 1511 (Rayuan Jenayah No:B-05-341-2009) (Mahkamah Rayuan) dan menegaskan tugas hakim bicara sebagaimana berikut:

> [40] Tugas hakim bukan hanya setakat mendengar dan mengadili kes tetapi juga menyediakan penghakiman yang lengkap.

[15] Peguam perayu pertama dan perayu kedua yang terpelajar turut menekankan kelewatan menulis penghakiman sebagaimana yang telah dikupas dalam kes *Amathevelli Ramasamy v. PP* [2009] 3 CLJ 109; [2009] 2 AMR 281. Selanjutnya dihujahkan kegagalan Puan HMS itu menyediakan penghakiman membatasi hak perayu pertama dan perayu kedua di peringkat rayuan.

[16] Peguam perayu pertama dan perayu kedua yang terpelajar menoktahkan penghujahannya dengan memohon sabitan dan hukuman atas perayu pertama dan perayu kedua diketepikan. Mahkamah ini dipohon mengikuti pendekatan kes *Azahan Mohd Aminallah v. PP* [2004] 1 LNS 652; [2004] 6 AMR 810 agar kes ini tidak diperintahkan untuk "re trial".

[17] Mahkamah ini akan menyentuh isu-isu yang diketengahkan oleh peguam perayu pertama dan perayu kedua di akhir penghakiman ini.

[18] Mahkamah ini telah meneliti nota keterangan dan semua eksibit yang dikemukakan sepanjang perbicaraan. Pendakwaan perlu membuktikan intipati-intipati berikut bagi kesalahan di bawah s. 326 Kanun itu iaitu:

(a) perayu pertama dan perayu kedua telah menyebabkan mangsa (SP5) cedera parah sebagaimana yang ditakrifkan dalam s. 320 Kanun itu;

(b) perayu pertama dan perayu kedua menyebabkan kecederaan itu dengan suka rela; dan

A (c) cedera parah itu disebabkan dengan instrument untuk menembak, memotong atau mencucuk dan lain-lainnya.

[19] Mahkamah ini berpendapat pendakwaan perlu membuktikan perayu pertama dan perayu kedua telah mendatangkan cedera parah ke atas mangsa iaitu Chee Fong Pon (SP5) pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan B dalam pertuduhan. Pendakwaan telah memanggil Dr Loke Wooi Pin (SP12) pakar bedah orthopaedic daripada Hospital Lam Wah Ee, Pulau Pinang yang telah merawat mangsa pada 10 Disember 2010, jam 5.15 pagi. Pendakwaan memanggil SP12 bagi membuktikan kecederaan yang dialami oleh mangsa termasuk dalam cedera parah yang ditakrifkan di bawah s. 320 Kanun itu. C SP12 dalam keterangannya telah mengesahkan beliau ada menyediakan laporan perubatan atas mangsa sebagaimana P8.

[20] Mahkamah ini telah meneliti nota keterangan dan nampaknya pendakwaan cuba bergantung kepada peruntukan s. 399(1) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) apabila menyerahkan laporan perubatan mangsa (P8) kepada D perayu pertama dan perayu kedua pada 29 April 2011 oleh pegawai penyiasat (Insp Mohd Tajuddin bin Md Fadilah (SP11)).

[21] Mahkamah ini berpendapat elok diperturunkan peruntukan s. 399(1) KTJ yang memperuntukkan seperti berikut:

E (1) Any document purporting to be a report under the hand of any of the persons mentioned in subsection (2) upon any person, matter or thing examined or analysed by him or any document purporting to be a report under the hand of the Registrar of Criminals upon any matter or thing relating to finger impressions submitted to him for report may be given in evidence in any inquiry, trial or other F proceeding under this Code unless that person or Registrar shall be required to attend as a witness-

(a) by the Court; or

(b) by the accused, in which case the accused shall give notice to the Public Prosecutor not less than three clear days before the G commencement of the trial:

Provided always that in any case in which the Public Prosecutor intends to give in evidence any such report he shall deliver a copy of it to the accused not less than ten clear days before the commencement of the trial.

H (2) The following are persons to whom the provisions of this section apply:

(a) officers of the Institute for Medical Research;

(b) Government Medical Officers;

I (c) chemists in the employment of any Government in Malaysia or of the Government of Singapore;

(d) any person appointed by the Minister by notification in the *Gazette*, to be a Document Examiner;

(e) Inspector of Weights and Measures appointed as such under any written law relating to weights and measures in force in Malaysia; and

(f) any person or class of persons to whom the Minister by notification in the *Gazette* declares that the provisions of this section shall apply.

[22] Mahkamah ini berpendapat pendakwaan memanggil SP12 bagi maksud peruntukan s. 399(1) dan (2)(b) KTJ khususnya "Government Medical Officers".

[23] Mahkamah ini berpendapat pendakwaan mungkin tidak menyedari SP12 tidak termasuk dalam takrifan "Government Medical Officers" bagi maksud peruntukan s. 399(1) dan (2) KTJ. Mahkamah ini merujuk takrifan "Government Medical Officers" yang diperuntukkan di bawah s. 2 KTJ yang memperuntukkan seperti berikut:

"Government medical officer" or "Medical Officer" includes a medical practitioner who has been given by the Director General of Health Malaysia, an authorisation in writing under section 34C of the Medical Act 1971 [Act 50] to perform functions specified in that section.

[24] Sepanjang perbicaraan pendakwaan gagal membuktikan SP12 merupakan pengamal perubatan yang telah diberi kebenaran bertulis oleh Ketua Pengarah Kementerian Malaysia di bawah s. 34C Akta Perubatan 1971 (Akta itu). Bagi kemudahan rujukan diperturunkan peruntukan s. 34C Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

(1) The Director General may authorise in writing any medical practitioner who is fully registered under section 14 and not being a medical practitioner in the public service to undertake any of the following functions, that is-

(a) investigation, examination, treatment or management of any patient; or

(b) perform an autopsy or post-mortem investigation of any deceased person,

in any hospital, clinic or health centre or in any other similar institution.

(2) A medical practitioner who is so authorized under subsection (1) to perform any of the functions referred to in paragraphs (a) and (b) thereof shall be deemed to be a Government Medical Officer for the purposes of the Criminal Procedure Code [Act 593] and any other relevant laws in Malaysia.

[25] Mahkamah ini telah meneliti keterangan SP12 (Dr Loke Wooi Pin) daripada Hospital Lam Wah Ee, Pulau Pinang secara terang-terangan beliau bukan "Medical Officers" bagi maksud peruntukan s. 399(1) KTJ. Mahkamah ini berpendapat elok dijenguk sebentar tujuan Parlimen

menggubal peruntukan s. 34C Akta itu yang memberi kebenaran kepada pengamal perubatan bukan Kerajaan berpandukan Penyata Rasmi Parlimen bertarikh 24 Disember 1992, Jilid II Bilangan 66 hari Khamis semasa Rang Undang-Undang Akta Perubatan (Pindaan) 1992 dibahaskan. Mahkamah ini merujuk kenyataan YB Dato' Mohd Farid bin Ariffin, Timbalan Menteri Kesihatan semasa membahaskan rang undang-undang tersebut memperjelaskan niat pindaan s. 34C Akta itu sebagaimana berikut:

> Bagi mengatasi kekurangan pengamal perubatan yang pakar dalam bidang bidang tertentu terutama sekali dalam bidang forensik, Kementerian ini mencadangkan agar satu seksyen baru iaitu 34C diatiakan supaya mana-mana pengamal perubatan berdaftar yang bukan seorang pegawai perubatan Kerajaan semasa menjalankan tugas-tugas atas arahan Ketua Pengarah Kesihatan dianggap sebagai Pegawai Pengamal Perubatan Kerajaan. Dengan adanya peruntukan 34C baru ini di antara lain membolehkan laporan perubatan dan laporan autopsi yang dibuat oleh pengamal-pengamal perubatan sedemikian diterima sebagai keterangan di dalam mahkamah.

[26] Mahkamah ini ingin merujuk kebimbangan YB Dr Tan Seng Giaw (Kepong) semasa membahaskan rang undang-undang tujuan Kerajaan meminda peruntukan s. 34C sebagaimana berikut:

> Saya beri contoh ini, kerana saya nampak pindaan ini seolah-olah doktor yang tidak dilatih di dalam bidang yang khusus ini juga boleh dilantik sebagai Pegawai Kerajaan untuk maksud-maksud Kanun Prosedur Jenayah. Kalau ia bukan seorang yang pakar di dalam bidang ini, macam mana dia boleh membuat autopsi atau post-mortem dengan baik, dengan betul dan mengesahkan sebab-sebab kematian. Ini adalah satu bidang di mana kita mesti membincangkan dengan lebih mendalam untuk memperbaiki keadaan di negara ini, kerana kalau tidak, akan berlaku banyak kesalahan.

[27] Mahkamah ini merujuk penggulungan oleh YB Timbalan Menteri Kesihatan apabila beliau menyatakan:

> Mengenai dengan perubatan forensik, memang betul kita ada masalah sedikit dari segi ini, walau bagaimanapun kuasa telah diberi kepada Ketua Pengarah Kesihatan untuk menentukan bahawa pegawai-pegawai yang berkelayakan adalah dilantik sebagai pegawai perkhidmatan Kerajaan yang boleh melakukan post-mortem dan memberi keterangan di-dalam mahkamah dan diharap dengan adanya seksyen 34C ini, sebahagian besar daripada masalah yang dihadapi oleh bahagian forensik ini dapat diselesaikan.

[28] Mahkamah ini berpendapat pendakwaan perlu membuktikan pra syarat s. 34C Akta itu dipatuhi sebelum memanggil SP12 untuk memberi keterangan dan mengemukakan laporan perubatan mangsa (P8) sebagaimana yang diperlukan di bawah s. 399(1) KTJ. Mahkamah ini berpendapat SP12 bukannya "Medical Officers" bagi maksud peruntukan s. 399(1) KTJ dan keterangannya di mahkamah berkaitan kecederaan yang dialami oleh SP5

ianya tidak boleh diterima. Mahkamah ini berpendapat kecacatan ini tidak dapat dipulihkan oleh pendakwaan terutamanya bagi membuktikan intipati kesalahan di bawah s. 326 Kanun itu. Mahkamah ini berpendapat pendakwaan gagal membuktikan SP5 telah mengalami cedera parah bagi maksud takrifan s. 320 Kanun itu. TPR yang terpelajar telah merujuk kes *Yii Ming Tung v. PP* [2014] 9 CLJ 1102 yang menyentuh pemakaian s. 34C Akta itu. Mahkamah ini berpendapat dalam kes *Yii Ming Tung* (*supra*) Dr Suresh yang menyediakan laporan post mortem sememangnya pegawai perubatan kerajaan yang masih berkhidmat di Hospital Sibu dan dalam keadaan ini peruntukan s. 34C Akta itu tidak terpakai. Sebaliknya dalam kes di hadapan mahkamah sekarang, SP12 bukannya pegawai perubatan kerajaan atau pegawai perubatan yang diberikan kebenaran oleh Ketua Pengarah Kesihatan di bawah s. 34C Akta itu.

[29] Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujahan TPR yang bijaksana yang menyatakan SP12 pernah bertugas sebagai pegawai perubatan kerajaan di Hospital Alor Setar, Kuching dan Pulau Pinang sebelum memasuki Hospital Lim Wah Ee. Keterangan SP12 boleh diterima walaupun tidak mematuhi peruntukan s. 34C Akta itu. Dengan hormat, mahkamah ini berpendapat pengalaman yang lepas tidak dipertikaikan tetapi apa yang penting semasa SP12 membuat pemeriksaan perubatan atas mangsa dan menyediakan P8, SP12 bukannya pegawai perubatan yang telah pun diberi kebenaran di bawah s. 34C Akta itu.

[30] Timbalan Pendakwa Raya (TPR) yang terpelajar telah menghujahkan walaupun SP12 keterangannya tidak mematuhi peruntukan s. 399(1) KTJ namun ianya boleh diterima sebagai saksi pakar di bawah s. 45 Akta Keterangan 1950. TPR yang terpelajar telah merujuk kepada nas-nas duluan bagi menyokong penegasannya iaitu *Chong Yik v. PP* [1953] 1 LNS 15, *PP v. Lin Lian Chen* [1990] 2 CLJ 1020; [1990] 2 CLJ (Rep) 746; *Saw Thean Teik v. Regina* [1952] 1 LNS 121; [1953] 19 MLJ 124; *PP v. Lam Peng Hoa & Anor* [1996] 3 CLJ 747; dan *PP v. Nolose Albert Raleshome* [2014] 8 CLJ 689.

[31] Mahkamah ini berpendapat pendakwaan tidak boleh bergantung kepada peruntukan s. 45 Akta Keterangan 1950 bagi membolehkan keterangan SP12 diterima untuk membuktikan cedera parah bagi maksud s. 320 Kanun itu. Mahkamah ini merujuk kes *Zulkifli Md Rodzi v. PP* [2013] 4 CLJ 250 di mana ianya melibatkan pertuduhan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Pendakwaan bergantung kepada keterangan dan laporan pegawai sains, jabatan kimia malangnya undang-undang ketika itu pegawai sains tidak termasuk dalam peruntukan s. 399(2) KTJ. Pendakwaan cuba bergantung kepada peruntukan s. 45 Akta Keterangan 1950 bagi menyokong kes pendakwaan terutamanya bagi membuktikan dadah yang terlibat adalah cannabis iaitu hal perkara yang menjadi pertuduhan pengedaran dadah. YA Hamid Sultan Backer HMR dalam penghakimannya melahirkan pandangannya:

A

> [10] The learned Deputy Public Prosecutor's argument that exh. P13 can be admitted under s. 45 EA 1950 cannot be sustained as it is trite that if a special procedure is prescribed under the Act then the general provisions found in the Act or other Acts cannot be followed. This principle is expressed by the *maxim genaralia specialibus non derogant*. (see *PP v. Sandara Margaret Birch* [1977] 1 LNS 114; [1997] 1 MLJ 129; *Baldeo and Others v. Emperor* 1940 AIR Alahabad 263; Article by Hamid Sultan bin Abu Backer - *Md Desa v. PP - A classic display of judicial vigilance* [1997] 1 MLJ LXXXIII]. The courts in India have gone to the extent of saying that if the report does not comply with the said section then for purpose of admissibility it is nothing more than a 'little scrap paper ... it is not legal evidence' (see *Peary Lal v. Emperor*, AIR 1938 Lah 496]. In essence the court is not bound to accept and act on such report as conclusive evidence of its contents. (see *Bhaskaran v. State*, 1967 Ker LT 165).

B

C

[32] Mahkamah ini bersetuju dengan pandangan YA Hamid Sultan Backer dalam kes *Zulkifli Md Rodzi* (*supra*) dan tidak bersetuju dengan hujahan TPR yang terpelajar yang menggesa mahkamah ini menerima keterangan SP12 di bawah s. 45 Akta Keterangan 1950.

D

[33] Mahkamah ini berpendapat selepas keterangan SP12 tidak mematuhi peruntukan s. 399(1) KTJ dan juga keterangan SP12 tidak boleh diterima di bawah s. 45 Akta Keterangan 1950, pendakwaan gagal membuktikan perayu pertama dan perayu kedua telah mendatangkan "cedera parah" bagi maksud peruntukan s. 320 Kanun itu.

E

[34] Secara alternatif, sekiranya keterangan SP12 boleh diterima (walaupun mahkamah ini berpendapat sebaliknya), mahkamah ini berpendapat pendakwaan semasa memanggil SP12 memberi keterangan tidak membawa perhatian SP12 berkaitan takrifan "cedera parah" bagi maksud peruntukan s. 320 Kanun itu. Mahkamah ini berpendapat perhatian SP12 perlu dibawa kepada takrifan tersebut. Mahkamah ini berpendapat Parlimen telah pun memberikan takrifan yang khusus apakah yang dimaksudkan "cedera parah" bagi maksud peruntukan s. 320 Kanun itu dan juga s. 326 Kanun itu. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan takrifan "cedera parah" sebagaimana berikut:

F

G

> Grievous hurt 320. The following kinds of hurt only are designated as "grievous":
>
> (a) emasculation;
>
> (b) permanent privation of the sight of either eye;
>
> (c) permanent privation of the hearing of either ear;
>
> (d) privation of any member or joint;
>
> (e) destruction or permanent impairing of the powers of any member or joint;
>
> (f) permanent disfiguration of the head or face;

H

I

(g) fracture or dislocation of a bone;

(h) any hurt which endangers life, or which causes the sufferer to be, during the space of twenty days, in severe bodily pain, or unable to follow his ordinary pursuits.

[35] Mahkamah ini berpendapat SP12 dalam keterangannya perlu memberikan pendapatnya sama ada kecederaan yang dialami oleh mangsa (SP5) termasuk dalam takrifan s. 320 Kanun itu dan bukannya membiarkan kepada mahkamah untuk memutuskannya. Mahkamah ini berpendapat pendakwaan yang perlu membuktikannya dengan mengajukan soalan-soalan kepada SP12 dan merujuk perhatiannya kepada peruntukan s. 320 Kanun itu.

[36] Mahkamah ini juga berpendapat SP12 dalam laporan perubatan (P8) perlu menyatakan pendapatnya iaitu kecederaan yang dialami oleh SP5 termasuk dalam jaringan s. 320 Kanun itu dan ianya tidak memadai sekadar menyatakan kecederaan-kecederaan tersebut satu persatu. Mahkamah ini juga berpendapat pendakwaan tidak mencungkil soalan-soalan kepada SP12 sama ada beliau sedar adanya takrifan s. 320 Kanun itu semasa memberi keterangan atau menyediakan P8.

[37] Secara analogi, mahkamah ini merujuk kes *Abdul Karim Pak Kub & Anor v. PP* [1997] 2 CLJ 383 di mana kepentingan ahli kimia dalam keterangannya menyatakan cannabis sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta tanpa merujuk peruntukan khusus iaitu s. 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 ianya memadai dan tidak mencacatkan keterangan ahli kimia. Mahkamah Rayuan dalam penghakimannya menyatakan:

> [1] As long as there is evidence by a chemist that an exhibit examined and analysed is cannabis as defined in the Act, it is not necessary to allude to any particular section of the Act. Cannabis is defined only in s. 2 of the Act whereas cannabis (Indian hemp) is nowhere defined in the Act. Therefore, when the chemist stated that the substance was cannabis as defined in the Act, it could only mean that it was cannabis as defined in s. 2 of the Act.

[38] Mahkamah ini berpendapat dalam kes di hadapan mahkamah sekarang, SP12 dalam keterangannya langsung tidak menyatakan kecederaan yang dialami oleh mangsa (SP5) termasuk dalam takrifan "cedera parah" bawah Kanun itu. Sekiranya SP12 menyatakan sedemikian ianya memadai tanpa merujuk secara khusus s. 320 Kanun itu sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Abdul Karim Pak Kub & Anor* (*supra*).

[39] Mahkamah ini berpendapat pendakwaan gagal membuktikan perayu pertama dan perayu kedua mendatangkan "cedera parah" atas mangsa (SP5). Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini berpendapat pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* di akhir kes pendakwaan. Mahkamah ini mengenepikan sabitan yang diputuskan oleh Puan HMS itu di akhir kes pembelaan. Mahkamah ini juga mengenepikan hukuman penjara sembilan tahun mulai tarikh sabitan yang dijatuhkan oleh Puan HMS itu.

A **[40]** Mahkamah ini akan menyentuh secara sepintas lalu penghujahan peguam perayu pertama dan perayu kedua yang terpelajar di awal penghakiman ini. Mahkamah ini berpendapat ianya membangkitkan isu-isu yang amat menarik dan ianya akan dipertimbangkan dalam forum yang lainnya. Mahkamah ini berpendapat ianya memadai bagi menyentuh isu
B tunggal iaitu "cedera parah" yang gagal dibuktikan oleh pendakwaan bagi maksud semakan kes ini.

[41] Kesimpulanya, mahkamah ini mengenepikan sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh Puan HMS itu ke atas perayu pertama dan perayu kedua. Mahkamah ini membatalkan rayuan silang oleh pendakwaan atas
C hukuman kerana ianya menjadi akademik.

D

E

F

G

H

I